

BAB KEEMPAT

PENGULANGAN-PENGULANGAN DALAM AL-QUR'AN

4.0 Pendahuluan

Menerusi kajian dalam bab kedua yang lepas jelas bahawa pengulangan-pengulangan yang berlaku dalam al-Qur'an adalah bertujuan menegaskan makna yang ingin disampaikan. Justeru dalam bab keempat ini pula penulis akan mengemukakan contoh-contoh dalam al-Qur'an berbentuk pengulangan yang melibatkan Ganti Nama, partikel, frasa, ayat dan kisah untuk membuktikan bahawa pengulangan-pengulangan tersebut berperanan memperjelaskan objektif penurunan al-Qur'an di samping menjadikannya sebagai Kitab yang berkekalan fungsinya untuk kebaikan manusia sejagat. Dalam perkataan lain, ia tidak akan tamat tempoh penggunaannya seperti yang dijanjikan oleh Allah s.w.t.

Ibn Qutaybat̃ (1994: 148) dalam kitab Ta'wi:l Musykil al-Qur'a:n menjelaskan pengulangan dalam al-Qur'an:

وَأَمَّا التَّكَرُّارُ فِي الْقُرْآنِ ، فَإِنَّ اللَّهَ تَبَارَكَ وَتَعَالَى أَنْزَلَ الْقُرْآنَ جُزْأً فِي ثَلَاثٍ وَعِشْرِينَ سَنَةً ، بِفَرَضٍ بَعْدَ فَرَضٍ : تَيْسِيرًا مِنْهُ عَلَى الْعِبَادِ ، وَتَدْرِيبًا لَهُمْ إِلَى كَمَالِ دِينِهِ ، وَوَعظٍ بَعْدَ وَعظٍ : تَنْبِيهًا لَهُمْ مِنْ سِنَةِ الْعَقْلِ ، وَشَحْدًا لِقُلُوبِهِمْ بِمُتَجَدِّدِ الْمُوعِظَةِ ، وَنَاسِخٍ بَعْدَ مَنْسُوخٍ : اسْتِعْبَادًا لَهُ وَاخْتِبَارًا لِبَصَائِرِهِمْ .

Maksudnya: “Allah s.w.t telah menurunkan al-Qur’an secara berperingkat dalam tempoh 23 tahun, satu kefarduan selepas kefardhuan supaya mempermudah hamba-hambaNya, dan beransur-ansur untuk mereka sehingga sempurnanya agama. Peringatan demi peringatan diturunkan supaya mengingatkan mereka dari kelalaian, menyegarkan minda mereka dengan peringatan-peringatan yang baru, ayat pembatal(nasikh) dan ayat yang dibatalkan(mansukh) : sebagai kepatuhan terhadapNya dan sebagai ujian kepada ahli-ahli fikir mereka”.

Ibn Qutaybat (1994 : 148) seterusnya menjelaskan menjelaskan lagi:

وَأَمَّا تَكَرَّرُ الْكَلَامِ مِنْ جِنْسٍ وَاحِدٍ وَبَعْضُهُ يُجْزِيءُ عَنْ بَعْضٍ ، كَتَكَرَّرِهِ فِي (قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ) وَفِي سُورَةِ الرَّحْمَنِ بِقَوْلِهِ (فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ) فَقَدْ أَعْلَمْتُكَ أَنَّ الْقُرْآنَ نَزَلَ بِلِسَانِ الْقَوْمِ ، وَعَلَى مَذَاهِبِهِمْ . وَمِنْ مَذَاهِبِهِمُ التَّكَرُّارُ : إِزَادَةُ التَّوَكِيدِ وَ الْإِفْهَامِ .

Maksudnya: “Pengulangan perkataan dari jenis yang sama dalam keadaan sebahagiannya terpisah dari yang lain, seperti pengulangan ayat قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ dan فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ dalam surah al-Rahma:n, seperti yang telah kuberitahu pada kamu bahawa al-Qur’an itu turun dalam bahasa kaumnya (kaum Arab) dan mengikut aliran pemikiran mereka. Di antara bentuk aliran pemikiran mereka ialah pengulangan: iaitu untuk tujuan (menyampaikan) penegasan dan pemahaman”.

Menerusi dua kenyataan di atas, kesimpulannya ialah al-Qur'an telah diturunkan dalam tempoh 23 tahun untuk memudahkan manusia menguasai isi kandungannya dan sebagai peringatan yang bersifat berterusan buat mereka. Proses penurunan al-Qur'an dalam bentuk begini adalah bertepatan dengan tabi'i manusia yang sentiasa mengalami perkembangan dalam kehidupan mereka. Hasilnya ialah mereka sentiasa mengalami pembaharuan pemikiran dalam kehidupan. Bagaimanapun oleh kerana al-Qur'an itu diturunkan kepada bangsa Arab pada peringkat awalnya (sebelum disampaikan kepada bangsa lain) sudah tentu ia disusun dalam bentuk gaya bahasa yang bersesuaian masyarakat Arab. Dalam konteks ini unsur pengulangan amat bertepatan dengan suasana kehidupan dan budaya berfikir mereka yang bersikap jelas, tegas, berani dan agresif. Oleh itu bukanlah suatu perkara yang pelik jika ayat yang sama diulang berkali-kali dalam al-Qur'an demi menyampaikan mesej secara lebih jelas atau memberi susulan peringatan. Fakta ini menunjukkan bahawa masyarakat bukan Arab perlu mempelajari bahasa al-Qur'an lebih daripada bahasa-bahasa yang lain dalam memahami dan menyesuaikan tuntutan al-Qur'an dengan kehidupan mereka.

Ini bertepatan dengan kenyataan Subhi: Sa:lih (1994: 119) dalam bukunya *Dira:sat Fi: Fiqh al-Lughat* bahawa perkara yang membezakan bahasa al-Qur'an berbanding dari bahasa-bahasa lain di dunia ialah di atas keyakinan bahawa ia merupakan suatu wahyu daripada Allah untuk menjadi sumber rujukan dalam segala perkara sehingga ke hari kiamat.

Walau bagaimanapun, pengulangan sebagai satu komponen yang menyempurnakan nilai I'ja:z yang terdapat dalam al-Qur'an berbeza dari pengulangan yang digunakan oleh orang-orang Arab kerana bahasa al-Qur'an adalah wahyu daripada Allah s.w.t, bukannya diperolehi menerusi proses semulajadi disebabkan perkembangan biologi atau sosiologi mereka.

4.1 Pengulangan Ganti Nama Penjelas

Penulis cenderung menterjemahkan Ganti Nama Penjelas seperti yang digunakan oleh Mohd Rosdi Ismail (2003: 53) dalam buku beliau Formula Bahasa Arab Mikro. Menurut beliau Ganti Nama penjelas ialah kata kata ganti yang dipakai untuk menjelaskan kekeliruan dalam menentukan “predikat” yang lebih utama yang lebih utama kepada “subjek” sebelumnya.

Contoh yang diberikan olehnya ialah:

العَالِمُ هُوَ الْعَامِلُ بِعِلْمِهِ ، يَنْفَعُ نَفْسَهُ وَ غَيْرُهُ

Dalam contoh tersebut Ganti Nama Penjelas (هُوَ) menjadi penentu kepada kedudukan kedua-dua fakta tersebut. Dengan kehadirannya fakta (الْعَامِلُ بِعِلْمِهِ) menjadi fakta utama (predikat) kepada “subjek” (العَالِمُ) sebelumnya. Manakala fakta (يَنْفَعُ نَفْسَهُ وَ غَيْرُهُ) pula menjadi fakta tambahan kepada subjek tersebut. Sebaliknya jika Ganti Nama Penjelas (هُوَ) digugurkan daripada ayat tersebut, pembaca akan keliru dalam

menentukan fakta yang mana satukah sepatutnya menjadi “predikat” kepada “subjek” sebelum itu. Kesannya pembaca akan berdepan dengan dua ayat pilihan berikut:

1. الْعَالَمُ الْعَامِلُ بِعِلْمِهِ
2. الْعَالَمُ يَنْفَعُ نَفْسَهُ وَ غَيْرَهُ

Perlu dinyatakan di awal perbincangan ini bahawa perkataan *الفصل* yang dipakai sebagai istilah pada Ganti Nama *ضَمِيرُ الْفَصْلِ* bukanlah bermaksud terpisah atau tidak bersambung dengan perkataan lain seperti yang lazim difahami melalui istilah al-Dami:r al-Munfasil. Sebaliknya ia bermaksud merujuk kepada fungsi Ganti Nama ini sebagai agen penjelas yang menyelangi antara Frasa Subjek dan Frasa Predikat yang hadir (secara wajib) dalam bentuk Kata Sifat Terbitan Definit (*المَشْتَقَاتُ الْمَعْرِفَةُ*). Contoh yang dikemukakan oleh al-Ra:jihyy (1999) dalam kitab al-Tatbi:q al-Sarfiyy:

زَيْدٌ الْمُخْلِصُ

Maksudnya: “Zaid yang ikhlas”.

Al-Ra:jihyy (1999:48) menjelaskan:

ضَمِيرُ الْفَصْلِ هَذَا لَيْسَ ضَمِيرَ الْمُنْفَصِلِ . نَعَمْ ، هُوَ نَوْعٌ مِنْ ِ ضَمَائِرِ الرَّفْعِ الْمُنْفَصِلَةِ ، لَكِنْ تَسْمِيَّتُهُ فَصْلاً لَا يَرْجِعُ لِهَذَا السَّبَبِ ، وَ إِنَّمَا لِأَنَّهُ يَفْصِلُ بَيْنَ الْخَبَرِ وَالصِّفَةِ أَيَّ "يَحْسِبُ" الْأَمْرَ .

Maksudnya: “Ganti Nama penjelas bukannya Ganti Nama Terpisah. Benar, ia merupakan Ganti Nama raf’, tetapi penamaannya Fasl

bukannya disebabkan perkara ini, sebaliknya kerana ia memisahkan antara subjek dan Kata Sendi untuk menjelaskan keadaan”.

Menerusi pandangan beliau di atas, Ganti Nama Penjelas berbeza dari Ganti Nama Terpisah. Ia dinamakan dengan Ganti Nama Penjelas yang bermaksud memisahkan berdasarkan peranannya yang menjelaskan peranan Kata Sendi selepasnya sebagai predikat kepada subjek sebelumnya.

Dalam huraian beliau, al-Ra:jihiyy telah mengemukakan contoh ayat زَيْدٌ الْمُخْلِصُ dengan maksud Kata Nama زَيْدٌ sebagai frasa subjek dan Kata Sendi الْمُخْلِصُ sebagai frasa predikat. Ayat ini bermaksud memuji Zayd sebagai seorang yang benar-benar ikhlas. Gaya ujaran kedua-dua frasa itu perlu diselangi oleh Jeda (سَكْنَةٌ) dengan sedikit tekanan intonasi pada frasa predikat. Ia tidak boleh dibaca secara bersahaja kerana ujaran sedemikian tidak dapat berfungsi sebagai penanda wacana kepada makna yang dimaksudkan. Dalam keadaan sedemikian mungkin ada pendengar yang menyangka ayat tersebut belum sempurna dan perlu ditambah frasa predikat contohnya ialah:

زَيْدٌ الْمُخْلِصُ مَحْبُوبٌ

Maksudnya: *Zayd yang ikhlas itu disayangi.*

Menerusi penambahan seperti dalam ayat ini, pendengar akan beranggapan bahawa Kata Sendi الْمُخْلِصُ berfungsi sebagai Frasa Adjektif seperti yang dimaksudkan

oleh penutur. Oleh itu sebagai jalan penyelesaian kepada kekeliruan tersebut penutur boleh menambah Ganti Nama Penjelas yang bersesuaian (هُوَ) menyelangi frasa subjek dan frasa predikat seperti di bawah:

زَيْدٌ هُوَ الْمُخْلِصُ

Dengan penambahan Ganti Nama Penjelas tersebut, unsur penegasan predikat ayat berkenaan menjadi lebih jelas dalam menyatakan makna pujian terhadap subjek.

Penggunaan Ganti Nama penjelas هُوَ walaupun kelihatan seperti pengulangan kepada Kata Nama Zayd tetapi sebenarnya ia memperjelaskan kehebatan Zayd seolah-olah hanya dia sahaja yang memiliki sifat ikhlas. Ataupun ayat ini ingin memperjelaskan bahawa walaupun orang lain juga kelihatan ikhlas dalam amalan mereka tetapi keikhlasan mereka itu tidak dapat menandingi keikhlasan Zayd.

Menurut al-Ghala:yi:niyy (1998: juz 1: 126) dalam bukunya Ja:mi‘ al-Duru:s al-‘Arabiyyaṭ Ganti Nama Penjelas adalah:

فَدَّ يَتَوَسَّطُ بَيْنَ الْمُبْتَدَأِ وَالْحَبْرِ ، أَوْ مَا أَصْلُهُ مُبْتَدَأٌ وَ حَبْرٌ ، ضَمِيرٌ يُسَمَّى ضَمِيرُ
الْفَصْلِ ، لِيُؤَدَّ مِنْ أَوَّلِ الْأَمْرِ بِأَنَّ مَا بَعْدَهُ حَبْرٌ لَا نَعَتْ . وَهُوَ يُفِيدُ الْكَلَامَ ضَرْباً مِنْ
التَّوَكِيدِ ، نَحْوُ : " زُهَيْرٌ هُوَ الشَّاعِرُ " و " ظَنَنْتُ عَبْدَ اللَّهِ هُوَ الْكَاتِبُ "

Maksudnya: “Terdapat satui Ganti Nama yang dipanggil Ganti Nama penjelas yang menyelangi di antara subjek (المبتدأ) dan predikat (الحبر) atau

apa-apa yang diolah dari kedua-duanya dengan tujuan memberitahu kepada pembaca atau pendengar dari awal lagi bahawa frasa yang berada selepasnya (Ganti Nama penjelas) adalah predikat dan bukannya frasa adjektif kepada Kata Nama sebelumnya. Ia juga boleh membawa satu bentuk penegasan kepada keseluruhan makna ayat, contohnya: “Zuhir dia merupakan seorang penyajak” dan “Saya telah menyangka bahawa Abdullah dia seorang penulis”.

Perkara ini diperjelaskan lagi menerusi definisi yang dikemukakan oleh Muhammad ‘Abd al-Kha:liq ‘Udaymat (2004: jld 8 : 112) dalam buku *Dira:sa:t li Uslu:b al-Qur’a:n*. Beliau menerangkan bahawa Ganti Nama Penjelas adalah:

ضَمِيرُ الْفَصْلِ هُوَ ضَمِيرٌ عَلَى صِيغَةِ الْمَرْفُوعِ الْمُنْفَصِلِ يُطَابِقُ مَا قَبْلَهُ فِي الْمُتَكَلِّمِ وَالْخِطَابِ وَالْعَيْبَةِ . يَفْعُ بَيْنَ الْمُتَبَدَّلِ وَالْخَبَرِ أَوْ فِي الْأَصْلِ ، بِشَرْطِ أَنْ يَكُونَ مَعْرِفَتَيْنِ أَوْ يَكُونَ الْخَبَرُ اسْمَ تَفْضِيلٍ : لِأَنَّهُ يُشْبِهُ الْمَعْرِفَةَ فِي أَنَّه لَا يَقْبَلُ (أَل) وَيُسَمِّيهِ الْكُوفِيُّونَ عِمَادًا وَدِعَامَةً.

Maksudnya: “*Ganti Nama al-Fasl ialah Ganti Nama terpisah yang menerima kasus nominatif bertepatan dengan (sebagaimana) kasus subjek المبتدأ sebelumnya dari sudut kondisi ujaran samada untuk diri pertama atau kedua atau ketiga. Ia menyelangi antara subjek dan predikat. Pada asalnya kedua frasa subjek dan predikat itu mestilah ma’rifah (definit). Bagaimanapun predikat tersebut boleh hadir secara nakirat (indefinit) dalam bentuk Kata Sendi komparatif kerana ia setaraf dengan Kata Nama ma’rifat (Nama Khas) dari sudut tidak memerlukan*

kepada partikel ‘أل’. Ahli-ahli Nahu Kufah telah menamakan Ganti Nama penjelas sebagai Kata Teras atau Kata Tunggak”.

Menerusi penjelasan di atas, Ganti Nama penjelas menjadi elemen penegas yang memperkuat mesej yang ingin disampaikan dalam ayat berkenaan. Menurutny syarat kemasukan Ganti Nama Penjelas antara Subjek dan Predikat ialah kedua-dua Subjek dan Predikat itu mestilah terdiri dari Kata Nama ma'rifah. Bagaimanapun predikat boleh hadir dalam bentuk indefinit (nakirat) jika perkataan itu dari golongan Kata Sendi komparatif.

Menurut al-Mawsiliyy (2001: jld 2: 329) dalam kitab Syarh al-Mufassal golongan sarjana Nahu Kufi memilih untuk menamakannya sebagai Kata Teras ataupun KataTunggak kerana merujuk kepada kekuatan yang disuntik kepada Kata Nama yang pertama iaitu Subjek itu sendiri.

Contoh yang dikemukakan oleh ‘Abba:s Hasan (1976: jld 1: 220-221) dalam bukunya al-Nahw al-Wa:fiy ternyata lebih jelas untuk menerangkan peranan Ganti Nama penjelas iaitu:

الشُّجَاعُ هُوَ النَّاطِقُ بِالْحَقِّ يَبْغِي رِضَا اللَّهِ

Maksudnya: *“Orang yang berani iaitulah yang menyuarakan perkara yang hak mengharapkan redha Allah”.*

Menurut pandangan beliau Ganti Nama dalam contoh di atas berfungsi sebagai penanda wacana kepada kedudukan frasa predikat **النَّاطِقُ بِالْحَقِّ** . Dengan kehadiran Ganti Nama **هُوَ** tersebut pembaca akan dapat memahami bahawa frasa kerja **يَبْغِي رِضًا لِلَّهِ** hanyalah sekadar keterangan tambahan kepada subjek sebelumnya.

Perbezaannya ialah sikap orang yang berani yang menjadi fokus perbincangan adalah keberanian mengatakan kebenaran (**النَّاطِقُ بِالْحَقِّ**). Mesej yang dikemukakan oleh ayat tidak akan menjadi sempurna kerana ketiadaan frasa predikat yang sesuai kepada frasa subjek **الشُّجَاعُ** itu.

Frasa **يَبْغِي رِضًا لِلَّهِ** pula hanyalah merupakan frasa penambahan untuk melengkapkan ayat sahaja. Mesej yang ingin dikemukakan tidak akan terjejas tanpanya.

Justeru, dalam keadaan tersebut kehadiran Ganti Nama Penjelas berfungsi membawa unsur penegasan kepada predikat selepasnya. Dalam contoh tersebut unsur penegasan itu bertujuan memuji dan menjelaskan kriteria seorang yang berani.

Sebaliknya jika Ganti Nama dalam contoh tersebut digugurkan kekeliruan akan timbul kepada sidang pendengar untuk menentukan frasa subjek yang dikehendaki oleh penutur kerana kedua-dua frasa adjektif dan frasa kerja itu boleh dianggap sebagai frasa predikat kepada subjek (**الشُّجَاعُ**) sebelumnya. Bagaimanapun sistem nahu Arab telah

menentukan bahawa hanya terdapat satu frasa predikat sahaja dalam setiap ayat. Dalam keadaan seperti ini kehadiran Ganti Nama Penjelas benar-benar diperlukan. Huraian lanjut tentang Ganti Nama Penjelas ini dapat diperhatikan menerusi kedua contoh lain yang diberikan oleh beliau iaitu:

1. الْعُلَمَاءُ هُمُ الْأَبْطَالُ يَحْتَمِلُونَ فِي سَبِيلِ الْعِلْمِ مَا لَا يَحْتَمِلُهُ سِوَاهُمْ .

Maksudnya: “Para ulama mereka adalah para perwira, mereka memikul beban yang berat untuk menyampaikan ilmu, bebanan yang tidak mampu dipikul oleh orang yang lain”.

2. الْعَالِمُ هُوَ الْعَامِلُ بِعِلْمِهِ ، يَنْفَعُ نَفْسَهُ وَ غَيْرَهُ .

Maksudnya: “Orang yang berilmu dia adalah orang yang beramal dengan ilmunya, memberi manfaat buat dirinya dan orang-orang lain”.

Di akhir huraian ‘Abba:s Hasan (1976: jld 1: 220-221) telah menjelaskan fungsi Ganti Nama Penjelas seperti berikut:

فَالضَّمِيرُ - هُوَ - وَأَشْبَاهُهُ يُسَمَّى : " ضَمِيرَ الْفَصْلِ " ، لِأَنَّهُ يَفْصِلُ فِي الْأَمْرِ حِينَ الشَّكِّ ، فَيَرْفَعُ الْإِبْهَامَ وَيُزِيلُ اللَّبْسَ ، بِسَبَبِ دِلَالَتِهِ عَلَى أَنَّ الْإِسْمَ بَعْدَهُ خَبْرٌ لِمَا قَبْلَهُ ، مِنْ مُبْتَدَأٍ ، أَوْ مَا أَصْلُهُ الْمُبْتَدَأُ ، وَلَيْسَ صِفَةً ، وَلَا بَدَلًا ، وَلَا غَيْرَهُمَا مِنَ التَّوَابِعِ وَالْمُكْمَلَاتِ الَّتِي لَيْسَتْ أَصِيلَةً فِي الْمَعْنَى الْأَسَاسِي ، كَمَا يَدُلُّ عَلَى أَنَّ الْإِسْمَ السَّابِقَ

مُسْتَعْنٍ عَنْهَا ، لاَ عَنِ الْحَبْرِ . وَفَوْقَ ذَلِكَ كُلِّهِ يُفِيدُ فِي الْكَلَامِ مَعْنَى الْحَصْرِ وَالتَّخْصِصِ
(أَيُّ : الْقَصْرِ الْمَعْرُوفُ فِي الْبَلَاغَةِ) .


Maksudnya: “Ganti Nama Penjelas dan mana-mana Ganti Nama yang seumpamanya dipanggil sebagai ضَمِيرُ الْفَصْلِ (Ganti Nama Penjelas) kerana ia berfungsi menjelaskan sesuatu perkara ketika berlaku keraguan. Ia menghapuskan kekaburan dan menghilangkan kesamaran melalui fungsi maknanya yang menjelaskan bahawa Kata Nama selepasnya adalah frasa predikat kepada Kata Nama sebelumnya samada sebagai frasa subjek (المُبْتَدَأُ النَّسْخُ) ataupun frasa subjek olahan (المُبْتَدَأُ).

Kata Nama tersebut bukannya sebagai frasa adjektif (نَعْتٌ) atau frasa pemerian (بَدَلٌ) atau selain daripada keduanya daripada frasa ikutan (التَّوَابِعُ) dan frasa pelengkap (المَكْمَلَاتُ) yang tiada hubungkait pada makna utamanya. Ganti Nama Penjelas ini juga menunjukkan bahawa frasa subjek tidak memerlukan frasa-frasa tambahan tersebut, sebaliknya memerlukan kepada frasa predikat (yang berada selepas Ganti Nama Penjelas). Selain itu semua Ganti Nama Penjelas juga boleh membawa makna pengkhususan dan penentuan seperti yang dikenali dalam ilmu al-Bala:ghat sebagai penjurusan (الحَصْرُ) .

Menerusi huraian di atas, kita dapat memahami bahawa Ganti Nama Penjelas ini didatangkan antara Subjek dan Predikat untuk mengelakkan daripada timbul salah faham bahawa Kata Sendi selepasnya itu dianggap sebagai frasa adjektif kepada frasa subjek

sebelumnya. Selain itu Ganti Nama ini juga berfungsi membawa unsur penegasan terhadap mesej yang ingin disampaikan itu. Perkara ini akan kelihatan lebih jelas apabila kita membincangkannya menerusi perkara-perkara berkaitan sifat-sifat yang khusus buat Allah s.w.t menerusi ayat-ayat al-Qur’a:n al-Kari:m.

Antara contoh Ganti Nama penjelas dalam al-Qur’an yang dikemukakan oleh al-Zamakhshariyy (1976: jld 1: 220-221) menerusi kitab al-Mufasssal fi: San’at al-I’ra:b ialah firman Allah s.w.t dalam surah A:li ‘Imra:n ayat ke 180:



Maksudnya: *“Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kemurahanNya - menyangka bahawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka. Bahkan ia adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalongkan (diseksa) dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada hari kiamat kelak. Dan bagi Allah jualah hak milik segala warisan (isi)*

langit dan bumi. Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan segala yang kamu kerjakan”.

Menurut Ibn ‘A:syu:r (2000: jld 3: 295-296) dalam Tafsir al-Tahri:r Wa al-Tanwi:r, ayat ini diturunkan untuk menerangkan tabiat buruk golongan munafik yang bersikap bakhil untuk berderma pada jalan Allah. Beliau menyokong pandangan al-Zamakhshariyy dalam tafsir al-Kasysya:f yang mengatakan bahawa Ganti Nama هُوَ dalam ayat itu merupakan Ganti Nama penjelas. Dalam ayat di atas Kata Kerja يُحْسَبُ memerlukan kepada dua objek. Objek pertama telah digugurkan kerana telahpun sedia dimaklumi menerusi Ganti Nama penjelas. Ayat sebelum pengguguran adalah:

لَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَبْخُلُونَ بُخْلَهُمْ خَيْرًا

Perkara ini juga dipersetujui oleh al-Qurtubiyy (1999: juz 4 : 222) dalam tafsirnya al-Ja:mi‘ li Ahka:m al-Qur’a:n. Menurut beliau:


الَّذِينَ فِي مَوْضِعِ رَفْعٍ ، وَالْمَفْعُولُ الْأَوَّلُ مَحْدُوفٌ . قَالَ الْحَلِيلُ وَ سَيِّبُوهِ وَالْفَرَاءُ : الْمَعْنَى الْبُخْلُ خَيْرًا لَهُ . وَإِنَّمَا حُذِفَ لِدَلَالَةِ يَبْخُلُونَ عَلَى الْبُخْلِ ، وَهُوَ كَقَوْلِهِ : مَنْ صَدَقَ كَانَ خَيْرًا لَهُ . أَي كَانَ الصَّدَقُ خَيْرًا لَهُ.

Maksudnya: “Kata Penghubung (الَّذِينَ) berada pada kasus nominatif sebagai frasa pelaku Kata Kerja يَحْسَبَنَّ telahpun digugurkan. Al-Khali:l, Sibawayh dan al-Farra:’ menjelaskan: “Makna ayat (kebaikan

itu adalah baik bagi mereka) telahpun digugurkan kerana sudah difahami melalui klausa (mereka yang bakhil) untuk makna tersebut. Gaya ujaran ini sama seperti kata-kata: “Sesiapa yang bercakap benar, itu baik baginya, iaitu kebenaran itu adalah baik baginya.

Jadi jelas kepada kita Ganti Nama dia (هُوَ) yang merujuk kepada sifat bakhil itu diulang sebanyak dua kali untuk memberikan penekanan terhadap keburukan sifat tersebut.

Selain itu pengulangan Ganti Nama penjelas (هُوَ) yang merujuk kepada Allah s.w.t sendiri menerusi ayat-ayat ke 43, 44 48 dan 49 dari surah al-Najm iaitu:



Maksudnya: “Dan bahawa sesungguhnya, Dia lah yang menyebabkan (seseorang itu bergembira) tertawa, dan menyebabkan (seseorang itu berdukacita) menangis; Dan bahawa sesungguhnya, Dia lah yang mematikan dan menghidupkan; Dan bahawa sesungguhnya, Dia lah


yang menciptakan pasangan - lelaki dan perempuan, - Dari (setitis) air mani ketika dipancarkan (ke dalam rahim); Dan bahawa sesungguhnya, Dia lah yang tetap menghidupkan semula (makhluk-makhluk yang mati); Dan bahawa sesungguhnya, Dia lah yang memberikan (sesiapa yang dikehendakiNya) apa yang diperlukannya dan memberikannya tambahan yang boleh disimpan; Dan bahawa sesungguhnya, Dia lah Tuhan (Pencipta) “Bintang Syi‘ra:”.

Menurut Abu: Hayya:n (2001: jld 8: 164-165) dalam Tafsi:r al-Bahr al-Muhi:t, jelas Allah membawakan Ganti Nama penjelas (هُوَ) dalam ayat-ayat ke 43, 44, 48 dan 49 iaitu:

1. Ayat 43: *yang menyebabkan (seseorang itu bergembira) tertawa, dan menyebabkan (seseorang itu berdukacita) menangis.*
2. Ayat 44: *yang mematikan dan menghidupkan, menghidupkan semula (makhluk-makhluk yang mati).*
3. Ayat 48: *yang memberikan (sesiapa yang dikehendakiNya) apa yang diperlukannya dan memberikannya tambahan yang boleh disimpan.*
4. Ayat 49: *yang mencipta Bintang Syi‘ra:.*

Menurutnya lagi, penggunaan Ganti Nama penjelas (هُوَ) ini sangat penting kerana terdapat ramai manusia bahawa mendakwa mereka turut memiliki kelebihan-kelebihan itu. Sebagai contohnya raja Namru:dh yang menentang Nabi Ibra:hi:m a.s

merasakan bahawa dia juga mempunyai kuasa menghidup dan mematikan seperti Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t menerusi ayat ke-258 dari surah al-Baqarat:



Maksudnya: “*Tidakkah engkau (pelik) memikirkan (wahai Muhammad) tentang orang yang berhujah membantah Nabi Ibra:hi:m (dengan sombongnya) mengenai Tuhannya, kerana Allah memberikan orang itu kuasa pemerintahan? Ketika Nabi Ibra:hi:m berkata: "Tuhanku ialah Yang menghidupkan dan Yang mematikan". Ia menjawab: "Aku juga boleh menghidupkan dan mematikan”.*

Abu: Hayya:n (2001: jld 8: 164-165) memperjelaskan lagi bahawa orang-orang Arab jahiliah juga menyangka bahawa manusia mampu campur tangan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan perasaan manusia seperti bergembira atau

berduka, kebolehan menjadikan seseorang itu kaya atau miskin dan penciptaan bintang Syi'ra:. Justeru dalam ayat-ayat ini Allah menegaskan bahwa perkara-perkara ini merupakan hak mutlak Allah yang tidak dikongsi bersama dengan manusia. Penggunaan Ganti Nama penjelas (هُوَ) dalam ayat-ayat ini amat berkesan untuk menafikan kepercayaan orang-orang Arab kuno tersebut.

Menurut beliau lagi, perkara ini berbeza dari ayat yang ke 45 yang mana Allah s.w.t tidak menggunakan Ganti Nama penjelas (هُوَ) kerana dalam ketentuan kejadian anak lelaki atau perempuan tiada seorangpun manusia yang mendakwa memiliki hak untuk menentukan jantina seseorang bayi itu.

Perbezaan antara ayat-ayat dari kedua surah A:l 'Imra:n dan al-Najm ini ialah penggunaan ayat kerjaan (الْجُمْلَةُ الْفِعْلِيَّةُ) dalam ayat dari surah A:l 'Imra:n sedangkan dalam ayat-ayat surah al-Najm ini Allah menggunakan ayat namaan (الْجُمْلَةُ الْإِسْمِيَّةُ). Fungsi kedua ayat ini sudah tentunya berbeza kerana dari sudut semantiknya (دِلَالَةٌ) penggunaan ayat namaan adalah untuk menonjolkan subjek. Subjek yang dimaksudkan dalam konteks ayat-ayat dari surah al-Najm ini Allah s.w.t untuk memperlihatkan kekuasaanNya yang sebenarnya. Menerusi kaedah Fiqh (لَا يُنَكَّرُ تَعْيِيرُ الْأَحْكَامِ بِتَعْيِيرِ الْأَوْمَانِ) yang bermaksud:

“Tiada dinafikan perubahan melibatkan hukum dengan sebab peredaran masa, penulis meyakini bahawa Allah s.w.t ingin mengemukakan kepada manusia keseluruhannya bahawa Allah yang berkuasa menetapkan

kejadian-kejadian yang disebutkan dalam surah al-Najm itu. Manusia zaman moden tidak lagi menganggap campur tangan sebahagian manusia bersama Allah untuk mentadbir alam tetapi mereka berada dalam keadaan leka dan lalai dari hakikat menyandarkan perkembangan-perkembangan itu kepada Allah s.w.t.”.

Mereka selalu terlupa tentang hakikat setiap aspek yang dinyatakan menerusi ayat ini samada psikologi yang melibatkan perasaan gembira dan berduka (أَضْحَكَ وَ أَبْكَى), biologi kejadian lelaki dan perempuan (الذَكَرَ وَالْأُنثَى), sosiologi iaitu hidup berpasangan (خَلَقَ الزَّوْجَيْنِ), ekonomi melibatkan harta dan pemilikannya (هُوَ أَغْنَى وَ أَفْقَى) dan astronomi yang dapat dilihat pada kejadian planet (هُوَ رَبُّ الشُّعْرَى) berlaku dengan kehendak dan kuasa Allah semata-mata. Sayyid Qutb (1992: jld 5: 2858) menjelaskan dalam tafsir Fi Zila:l al-Qur’a:n bahawa isu terlupa atau lalai yang menyerang manusia ini disebabkan fenomena Tu:l al-Ulfaṭ (lalai kerana sudah terlalu biasa). Perbincangan ini diutarakan secara panjang lebar dalam tafsirannya terhadap surah al-Syu‘ara:’ ayat 7 dan 8.

Dalam metod dakwah, fenomena-fenomena yang sentiasa dilalui dan dialami manusia perlu ditonjolkan sebagai topik utama. Pengulangan yang berlaku pada frasa (وَأَنَّهُ) sebanarnya merupakan penegasan bukannya untuk penjelasan. Jelas kepada kita Allah s.w.t mengemukakan mesej yang berlainan walaupun gaya ujarannya sama.

Selain itu kita juga dapat melihat dalam ayat-ayat dari surah al-Najm ini kecenderungan menggunakan ayat kerjaan iaitu (sebanyak 4 kali) berbanding ayat namaan (sebanyak 2 kali). Hikmahnya ialah keperluan kepada menzahirkan unsur ketuanan Allah menerusi proses-proses yang dilalui mereka dalam kehidupan mereka berbanding dengan ayat namaan, yang merupakan penceritaan kepada perkara yang dimaklumi.

Menerusi contoh-contoh di atas kita dapat membuat kesimpulan bahawa pengulangan yang berlaku melibatkan Ganti Nama penjelas ini sebenarnya bukanlah merupakan pengulangan lafaz tetapi ia sebenarnya adalah pengulangan makna. Pengulangan Ganti Nama penjelas (هُوَ) ini berperanan memperjelaskan dalam fikiran manusia tentang kesempurnaan kekuasaan Allah dalam segala kejadian yang dicipta berbanding dengan sifat yang ada pada makhluk-makhlukNya.

4.2 Pengulangan Partikel أَنْ

Partikel أَنْ adalah yang paling kerap diulang dalam ayat-ayat al-Qur'an. Meneliti penggunaan partikel أَنْ dalam ayat-ayat al-Qur'an, kita perlu mengkaji pandangan para sarjana bahasa Arab terlebih dahulu untuk mengetahui penjelasan sebenar tentang partikel itu dan peranannya dalam ayat.

Menurut Sibawayh (1999 : jld 3: 174) dalam kitab al-Kita:b beliau menjelaskan:

أَنَّ مَفْتُوحَةٌ تَكُونُ عَلَى وُجُوهِ: فَأَحَدُهَا أَنْ تَكُونَ فِيهِ " أَنْ " وَمَا تَعْمَلُ فِيهِ مِنَ الْأَفْعَالِ بِمَنْزِلَةِ مَصَادِرِهَا ، وَالْأَخْرُ: أَنْ تَكُونَ فِيهِ بِمَنْزِلَةِ "أَيِّ" . وَوَجْهٌ آخَرَ هِيَ فِيهِ مُحَقَّقَةٌ مَحْدُوفَةٌ، وَوَجْهٌ تَكُونُ فِيهِ لِعَوَا نَحْوُ قَوْلِكَ: " لَمَّا أَنْ جَاءُوا ذَهَبَتْ " .

Maksudnya: “Partikel أَنْ mengandung berbagai fungsi iaitulah ia bersama Kata kerja-kata kerja yang hadir selepasnya sebagai Nama Terbitan. Selain itu ia juga menyamai partikel أَيِّ sebagai penafsir dan keadaan yang lain, ia bertindak sebagai lagwu iaitu tiada sebarang peranan yang dimainkan seperti contoh yang bermaksud: “ketika mereka datang, awak telah pergi”.


Menerusi kata-kata Sibawayh di atas jelas kepada kita bahawa partikel أَنْ mempunyai pelbagai fungsi bergantung kepada kedudukannya dalam sesuatu ayat. Ia kadang-kadang berfungsi sebagai أَنْ Terbitan dan kadangkala berfungsi sebagai pentafsir kepada ayat yang datang selepasnya. Dalam sesetengah keadaan yang lain kewujudannya dalam ayat tidak mempunyai sebarang kesan.

Menurut al-Mubarrid (1999: juz 2: 331) dalam kitab al-Muqtaḍab pula beliau menjelaskan:

إِعْلَمَنَّ أَنَّ " أَنْ " وَالْفِعْلَ بِمَنْزِلَةِ الْمَصْدَرِ . وَهِيَ تَفْعُ عَلَى الْأَفْعَالِ الْمُضَارِعَةِ فَتَنْصِبُهَا ، وَهِيَ صِلَاتُهَا . وَلَا تَفْعُ مَعَ الْفِعْلِ حَالًا ، لِأَنَّهَا لِمَا لَا يَفْعُ فِي الْحَالِ ، وَلَكِنْ لِمَا يُسْتَقْبَلُ .

Maksudnya: “Ketahuilah! Sesungguhnya dan KK selepasnya mengambil tempat KT .Ia datang kepada Kata Kerja kala kini untuk menjadikannya baris di atas, dan menjadi penghubungnya.Ia tidak berlaku pada masa sekarang kerana tidak akan berlaku pada masa sekarang, tetapi pada masa akan datang”.

Sebagai contoh tentang pengulangan partikel و sebanyak 4 kali dalam al-Qur’an seperti yang berlaku dalam ayat ke 19 dari surah al-Qasas. Firman Allah s.w.t:



Maksudnya: “Maka ketika ia bersedia hendak menumbuk orang yang menjadi musuh bagi mereka berdua berkatalah orang itu: "Wahai Musa, adakah engkau hendak membunuhku sebagaimana engkau membunuh satu jiwa semalam? Sebenarnya engkau hanyalah hendak menjadi seorang yang kejam di bumi, dan tidaklah engkau hendak menjadi seorang pendamai”.

Pengulangan yang berlaku dalam ayat ini sebenarnya berperanan untuk memenuhi keperluan fungsi nahuan ayat berkenaan sebagai partikel.

Bagi memahami peranan أَنْ dengan sebenarnya, ‘Abba:s Hasan (1968: jld 4: 265-279) dalam kitab al-Nahw al-Wa:fiy menjelaskan:

Partikel أَنْ dapat dikenalpasti merupakan partikel Kata Terbit (المَصْدَرِيَّةُ) ataupun berasal dari partikel أَنَّ المِخْفَقَةُ ataupun merupakan partikel pentafsir (المَفْسَّرَةُ) dengan mengambil kira Kata Kerja yang hadir selepasnya. Menerusi garis panduan di bawah kita dapat memastikan bahawa:

1. أَنْ merupakan partikel Kata Terbit yang menyebabkan sesuatu Kata Kerja kala kini mendapat kasus di atas. Ini dapat dipastikan sekiranya Kata Kerja sebelumnya merujuk kepada perasaan berbaur pengharapan atau kebimbangan. Sebagai contohnya ialah firman Allah dalam surah al-

Syu‘ara:’ ayat 82:



Maksudnya: *“Dan (Dia lah) yang aku harap-harapkan supaya mengampunkan dosaku pada hari kiamat”.*

Menerusi contoh ini, partikel أَنْ digunakan selepas Kata Kerja yang memperlihatkan pengharapan agar diberi keampunan oleh Allah. Menurut Ibn Kathi:r (2003: jld 3: 416) dalam Tafsir al-Qur’a:n al-‘Azi:m, Nabi Ibra:hi:m yang bermunajat


dengan doa ini mengharapkan rahmat Allah dan belasNya agar dikurniakan keampunan terhadap kesilapan baginda semasa di dunia dan di akhirat.

2. أَنْ yang berasal dari partikel أَنْ. Maka Kata Kerja kala kini yang hadir selepasnya itu mendapat kasus hadapan. Ini berlaku apabila partikel ini datang selepas Kata Kerja yang menunjukkan kepada yakin akan berlakunya sesuatu perkara itu. Sebagai contohnya firman Allah s.w.t dalam al-Muzzammil ayat ke-20:

عَلِمَ أَنَّ سَيَكُونُ مِنْكُمْ مَرْضَى

Maksudnya: *“Dia juga mengetahui bahawa akan ada di antara kamu orang-orang yang sakit”*.

3. Jika partikel أَنْ hadir selepas Kata Kerja yang berbentuk sangkaan yang lebih berat (الظَّنُّ الرَّاجِحُ), maka kedua-dua yang di atas adalah harus, samada ia adalah أَنْ yang melibatkan Kata Terbit ataupun أَنْ yang berasal dari partikel أَنَّ. Walau bagaimanapun menurut ‘Abd ‘Aliyy Husayn Sa:lih (2001: 491) dalam buku al-Nahw al-‘Arabiyy, sarjana-sarjana bahasa cenderung mengkategorikan أَنَّ sebagai مَصْدَرِيَّةٌ أَنْ jika sesuatu KK itu hadir secara langsung selepasnya tanpa dipisahkan oleh sesuatu apapun. Sebagai contohnya firman Allah dalam surah al-‘Ankabu:t ayat ke-2:



Maksudnya: “Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: “Kami beriman”, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan) ?”.

4. Partikel أ itu merupakan partikel pentafsir kepada ayat sebelumnya. Sebagai contoh Ibn Hisya:m al-Ansa:riyy (1997: jld 2: 75) dalam kitab Awdah al-Masa:lik mengemukakan contoh dari firman Allah s.w.t dalam surah Sa:d ayat ke 6 :



Maksudnya: “Dan (ketika itu) keluarlah ketua-ketua dari kalangan mereka (memberi peransang dengan berkata): “Jalan terus (menurut cara penyembahan datuk nenek kamu) dan tetap tekunlah menyembah tuhan-tuhan kamu”.

Menurut al-Andalusiyy (2001: jld.7: 369) dalam kitab tafsirnya al-Bahr al-Muht, ayat di atas menerangkan tentang kepulangan pemimpin-pemimpin Quraisy dari pertemuan dengan Abu: Ta:lib kerana mengadukan perihal Nabi Muhammad yang didakwa telah mengeji dan menghina agama mereka. Setelah mereka mendapati Abu: Ta:lib berkeras mempertahankan kerja dakwah Nabi, mereka pun pulang dalam keadaan hampa. Walau bagaimanapun mereka saling wasiat mewasiatkan antara satu sama lain agar tetap konsisten memperjuangkan agama yang batil dengan alasan mempertahankan maruah nenek moyang yang terdahulu.

Dalam contoh di atas, Allah s.w.t menggunakan partikel **أَنَّ** untuk menjelaskan apakah kata-kata motivasi yang diucapkan oleh ketua-ketua mereka kepada para pengikut.

4.3 Pengulangan Huruf-huruf al-Muqatta‘at (فَوَاتِحُ السُّورِ)

Antara perkara yang menarik perhatian manusia dalam pengkajian mereka kepada al-Qur’an ialah penggunaan huruf-huruf tertentu yang dibaca secara terpisah pada awal surah-surah tertentu dalam al-Qur’an. Huruf-huruf ini yang melibatkan permulaan 26 surah Makkiyyat dan 3 surah Madaniyyat sama ada sebanyak sekali ataupun berulang kali dikenali sebagai al-Huruf al-Muqatta‘at. Ia terdiri daripada empat belas (14) huruf iaitu:

أ، ح، ر، س، ص، ط، ع، ق، ك، ل، م، ن، ه، ي

Walaupun sarjana-sarjana bahasa Arab dan para pentafsir al-Qur'an, berselisih dalam menentukan makna atau mesej yang hendak dikemukakan menerusi huruf-huruf itu, tetapi mereka semuanya bersependapat mengatakan bahawa Allah s.w.t menggunakan huruf-huruf yang tertentu itu untuk menunjukkan kepada nilai-nilai I'jaz yang menjadikan manusia tidak mampu menandinginya.

Para pakar contohnya al-Jurja:niyy (1998:250) dalam Dala:'il al-I'jaz, al-Ba:qila:niyy (1996:16) dalam I'jaz al-Qur'a:n dan al-Suyu:tiyy (2004:juz 2:303) dalam al-Itqa:n menegaskan bahawa tujuan al-Qur'an bukan untuk melemahkan, tetapi untuk menampakkan kegagalan semua manusia untuk menyusun kalimah ataupun huruf seperti al-Qur'an. Ini gunanya adalah untuk meyakinkan bahawa al-Qur'an adalah firman Allah s.w.t.

Menerusi penelitian kita akan mendapati setiap huruf-huruf Muqatta'at yang berada di awal surah-surah yang berkaitan ini akan diikuti dengan penjelasan tentang al-Qur'an. Ayat-ayat selepasnya menghuraikan fakta-fakta penting tentang al-Qur'an sebagai perkataan Allah dan wahyuNya. Sebagai contohnya Allah berfirman dalam surah al-Baqarat ayat yang pertama hingga ke dua:



Maksudnya: “Alif, La:m, Mi:m. Kitab al-Qur'an ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa”.

Huruf-huruf yang sama diulangi Allah pada permulaan surah A:l ‘Imra:n iaitu dalam ayat yang pertama:



Maksudnya: “Alif, La:m, Mi:m. Allah tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap Hidup, Yang Kekal selamanya mentadbirkan sekalian makhlukNya”.

Apabila orang-orang Arab membaca ayat-ayat yang awal ini mereka akan kagum kebingungan memikirkan perkara ini menjadi bukti bahawa ia memberikan cabaran kepada masyarakat Arab yang terkenal sebagai ahli bahasa.

4.3.1 Pandangan Para Ulama Tentang Huruf al-Muqatta‘at

Menurut al-Suyu:tiyy (1998: jld 4 : 983) dalam al-Itqa:n Fi: ‘Ulu:m al-Qur’a:n, Allah s.w.t menetapkan penggunaan huruf-huruf tertentu pada awal sesuatu surah kerana sesuatu hikmah yang tidak kita ketahui. Namun apabila kita mendalaminya nescaya kita akan mendapati bahawa pemilihan huruf-huruf tersebut berlaku secara teliti mengambil kira huruf yang paling banyak kali digunakan dalam surah tersebut. Sebagai contohnya surah Qa:f dimulakan dengan huruf muqatta‘ Qa:f kerana kebanyakan perkataan dalam surah ini menggunakan huruf Qa:f, contohnya:

Firman Allah:



Maksud: “Q:af. Demi al-Qur’an yang melimpah-limpah kemuliaan dan kebaikannya (bahawa sesungguhnya Muhammad adalah Rasul yang diutus memberi peringatan dan amaran). (Kaum musyrik Makkah bukan sahaja mengingkari kerasulannya) bahkan mereka merasa hairan kerana datang kepada mereka, dari kalangan mereka sendiri, seorang Rasul pemberi peringatan dan amaran (mengenai perkara hidup semula

sesudah mati); lalu orang-orang yang kafir itu berkata: "Ini adalah satu perkara yang menakjubkan! "Adakah (kita akan kembali hidup) sesudah kita mati dan menjadi tanah? Itu adalah cara kembali yang jauh (dari kemungkinan, kerana jasad yang telah hancur tidak dapat diketahui lagi)". (Apa yang mereka katakan itu tidaklah benar, kerana) Kami sedia mengetahui apa yang dimakan oleh bumi sedikit demi sedikit dari (tubuh orang mati) mereka, serta ada di sisi Kami sebuah Kitab yang menyimpan (catitan segala perkara yang berlaku)".


Menurut al-Suyu:tiyy (1998: jld 4: 983) lagi pemilihan huruf Qa:f bukan sahaja untuk menarik perhatian para pendengar kepada bicara yang akan dikemukakan malahan juga kerana kebanyakan perkataan yang digunakan dalam surah ini cenderung menggunakan huruf tersebut. Dalam ayat-ayat di atas Allah s.w.t memilih perkataan-perkataan seperti al-Qur'an, Raqi:b, perkataan Aqrab yang bermaksud Allah s.w.t sangat hampir dengan hambaNya. Apabila kita melihat semua perkataan ini ternyata semua perkataan teras ini menggunakan huruf Qa:f. Jadi amatlah tidak bersesuaian jika dimulakan dengan huruf-huruf lain selain daripada Qa:f.

Demikian pula Allah s.w.t menggunakan huruf Muqatta' Alif La:m Ra:' pada permulaan surah Yunus disebabkan lebih daripada seratus perkataan dalam suarah tersebut menggunakan huruf Ra:'.

Al-Suyu:tiyy (1998:4:983) turut menjelaskan bahawa huruf Muqatta' Alif La:m Mi:m ditambah pula dengan huruf Sa:d dalam surah al-A'raf menjadikan Alif Sa:d

kerana terdapat ayat yang menggunakan huruf Sa:d iaitu menerusi ayat ke-2 , firman

Allah s.w.t:



Maksudnya: “(al-Qur’an ini) sebuah Kitab yang diturunkan kepadamu (wahai Muhammad dari Tuhanmu). Oleh itu, janganlah ada perasaan bimbang dalam dadamu mengenainya, supaya engkau memberi amaran dengan al-Qur’an itu (kepada orang-orang yang ingkar), dan supaya menjadi peringatan bagi orang-orang yang beriman”.

Sebenarna المص itu merupakan singkatan kepada ayat di atas yang boleh diringkaskan menjadi:

أَمْ نَشْرَحُ لَكَ صَدْرَكَ

Maksudnya: “Tidakkah Kami telah melapangkan bagimu dadamu”.

Abu: al-Su‘u:d (1999:1:32) dalam Tafsi:r Abi: al-Su‘u:d menghimpunkan berbagai pandangan untuk menjelaskan fenomena huruf al-Muqatta‘at ini. Sebahagiannya disandarkan kepada para sahabat, manakala sebahagiannya kepada tabi’in dan sebahagiannya pula tidak dinyatakan sumber rujukannya iaitu:

- i. Abu: Bakr al-Siddi:q r.a telah menjelaskan hakikat ini dengan katanya yang bermaksud: *“Setiap kitab yang Allah s.w.t turunkan mengandungi rahsia, dan rahsia al-Qur’an adalah permula-permulaan surahnya”*.
- ii. ‘Aliyy bin Abi: Ta:lib r.a pula berkata yang bermaksud: *“Setiap kitab mengandungi intipati dan intipati kepada al-Qur’an ini adalah huruf-huruf pada permulaan surah”*.
- iii. ‘Abd Alla:h bin ‘Abba:s pula mengatakan maksudnya: *“Para ulama tidak mampu menjelaskannya”*.
- iv. Al-Sya‘biyy pula telah berkata yang bermaksud: *“Ia adalah rahsia Allah, maka janganlah kamu membahaskan tentangnya!”*.
- v. Ia merupakan nama-nama Allah s.w.t.
- vi. Setiap huruf itu sebenarnya merujuk kepada nama Allah atau sifatNya yang tertentu yang tidak diketahui oleh kita.

Menurut Ibn ‘A:syu:r (2000:1:204) dalam Tafsir al-Tahri:r wa al-Tanwi:r kebanyakan surah yang bermula dengan huruf al-Muqatta‘at ini sebenarnya merupakan surah-surah Makkiyat. Beliau mempunyai pandangan yang hampir sama dengan Abi: al-Su‘ud dalam menghuraikan apa yang tersirat di sebalik huruf-huruf al-Muqatta‘at itu bahawa ia sebenarnya merujuk kepada Kata Nama dan Kata Kerja yang tertentu seperti yang telah dihuraikan di atas dengan penambahan iaitu:

- i. Huruf-huruf tersebut merupakan nama-nama para malaikat. Apabila seseorang itu membaca al-Qur'an, maka malaikat itu akan menjawab : *“Benar apa yang engkau bacakan itu”*.
- ii. Huruf-huruf tersebut merupakan simbol yang membawa nama Nabi s.a.w. Sebagai contohnya Alif merupakan huruf pertama bagi nama-nama Nabi yang lain seperti Ahmad dan Abu: al-Qa:sim.
- iii. Huruf-huruf ini merupakan singkatan frasa yang tertentu seperti contohnya Alif La:m Mi:m bermaksud: Ana Alla:h A'lam.
- iv. Huruf-huruf ini merupakan nama-nama bagi al-Qur'an. Pandangan ini diriwayatkan daripada al-Kalbiyy dan al-Suddiyy.
- v. Al-Ma:wardiyy mengatakan bahawa perkataan-perkataan ini boleh dita`wil dengan Kata Kerja yang tertentu untuk membawa makna yang sebenarnya. Sebagai contohnya Alif La:m Mi:m sebenarnya bermaksud نَزَلَ أَلْفٌ

Para ulama Qira'at menghimpunkan huruf-huruf ini sebagai: طَرَقَ سَمْعَكَ النَّصِيحَةَ ُ
atau نَصٌّ حَكِيمٌ لَهُ سِرٌّ قَاطِعٌ. Menurut 'Abd al-Lati:f Fayzadraya:n (1999: 352) dalam kitabnya al-Tabyi:n fi: Ahka:m Tila:waṭ al-Kita:b al-Mubi:n huruf-huruf ini terbahagi kepada tiga iaitu:

- i. Huruf yang tidak boleh dibaca dengan hukum Mad (مَدٌّ) iaitu huruf Alif.

- ii. Huruf-huruf yang dibaca dengan hukum Mad (مَدُّ) dan ditulis dengan huruf Alif selepasnya iaitu: رَا ، هَا ، طَا ، يَا ، حَا . Huruf-huruf ini dihimpunkan dengan perkataan: حَيْ طُهْرٍ .
- iii. Huruf-huruf yang dibaca dengan hukum Mad (مَدُّ), ditulis dengan menggunakan huruf Alif di tengahnya. Huruf-huruf ini dihimpunkan dalam satu perkataan iaitu: نُونٌ سَنُقُصُّ عَلَيْكُمْ . Huruf-huruf itu dibaca dengan kaedah: قَاف ، صَاد ، عَيْن ، سَيْن ، لَام ، كَاف ، مِيم .

Menurut al-Ma:wardiyy (t.t:1:65) dalam Tafsir al-Ma:wardiyy pula mengatakan bahawa ayat ini merupakan huruf-huruf hija:’iyy yang tidak diketahui oleh sesiapa pun maksudnya melainkan Allah s.w.t sahaja. Ia didatangkan sebagai cabaran kepada masyarakat Arab. Ia merupakan bukti kelemahan mereka untuk menandingi bahasa al-Qur’an walaupun huruf-huruf ini hanyalah huruf-huruf yang mudah yang selalu diucapkan oleh mereka.

Menerusi pandangan-pandangan yang dikemukakan di sini jelas kepada kita bahawa para sarjana itu telahpun memberikan pandangan masing-masing untuk mentafsir ayat-ayat tersebut berdasarkan ijtihad dan kajian mereka. Namun demikian penulis lebih bersetuju dengan pandangan al-Ma:wardiyy untuk mengatakan bahawa ayat-ayat Muqatta’at pada permulaan surah merupakan ayat-ayat mutasyabihat yang tidak boleh ditafsirkan. Allah s.w.t berfirman dalam ayat ke 7 surah A:li ‘Imra:n:



Maksudnya: “Dia lah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab Suci al-Qur’an. Sebahagian besar dari al-Qur’an itu ialah ayat-ayat “Muhkamat” (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat Muhkamat itu ialah ibu (atau pokok) isi al-Qur’an. Dan yang lain lagi ialah ayat-ayat “Mutasyabihat” (yang samar-samar, tidak terang maksudnya). Oleh sebab itu (timbulah faham yang berlainan menurut kandungan hati masing-masing)-adapun orang-orang yang ada dalam hatinya kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu menurut apa yang samar-samar dari al-Qur’an untuk mencari fitnah dan mencari-cari Takwilnya (memutarakan maksudnya menurut yang disukainya). Padahal tidak ada yang mengetahui Takwilnya (tafsir maksudnya yang sebenar) melainkan Allah. Dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama, berkata: “Kami beriman kepadanya, semuanya itu

datangnya dari sisi Tuhan kami”. Dan tiadalah yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang berfikiran”.

Dalam ayat di atas, Allah s.w.t membahagikan manusia kepada dua bahagian iaitu yang pertama mereka yang gemar membincangkan atau mentakwilkan ayat-ayat yang kurang jelas maksudnya (mutasya:biha:t) manakala yang kedua iaitu orang yang berilmu yang tidak mahu mentafsirkan ayat-ayat itu kerana tiada penjelasan daripada Allah ataupun RasulNya.

Takwil mengikut pandangan al-Syanqi:tiyy (1995:1:190-191) dalam tafsirnya Adwa:’ al-Baya:n merujuk kepada 3 maksud iaitu:


- i. Hakikat yang sebenarnya yang dimaksudkan oleh Allah s.w.t.
- ii. Penjelasan ataupun tafsiran secara biasa dengan berpandukan kepada ayat-ayat yang lain ataupun hadith yang memperjelaskan sesuatu maksud.
- iii. Mentafsirkan mengikut maksud dengan yang lain yang tersirat dengan dalil yang sah. Pendekatan ini banyak berlaku dalam ilmu usul.

Berdasarkan pandangan-pandangan yang dikemukakan di atas kita dapat membuat satu kesimpulan bahawa para sarjana sejak dahulu hingga sekarang berselisih pandangan tentang huruf muqatta’at kepada dua terdapat dua pandangan iaitu:

Pandangan pertama merupakan pandangan para sarjana yang mengatakan bahawa huruf-huruf al-Muqatta'at termasuk dalam perkara-perkara mutasyabihat yang tidak dapat diperjelaskan oleh manusia. Pandangan ini merupakan pandangan majoriti para ulama bermula dari Abu: Bakar r.a yang mengatakan bahawa rahsia al-Qur'an terletak pada pembukaan surah-surahnya. Pandangan ini juga dipilih oleh Ibn Khaldun (1995:442) dalam kitabnya al-Muqaddimat. Beliau menjelaskan:

Dalam al-Qur'an terdapat huruf hija: 'iyy yang dipanggil al-Muqatta'at terletak pada awal surah-surah tertentu. Huruf-huruf ini termasuk dalam kategori mutasya:biha:t.

Pandangan kedua adalah merupakan pandangan para ulama ahl al-Kalam yang banyak dipengaruhi oleh ilmu logik. Menurut mereka Allah memerintahkan agar manusia menghayati ayat-ayat dalam al-Qur'an. Sebagai contohnya Allah berfirman dalam surah Muhammad ayat ke 24:




Maksudnya: “(Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi al-Qur'an?. Atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran al-Qur'an)?”.

Berpandukan kepada ayat ini golongan ini berpendapat tentulah mustahil bagi Allah s.w.t menurunkan wahyuNya dalam bentuk yang kabur tidak difahami kemudian memerintahkan manusia memahaminya. Sehubungan dengan itu juga semua permulaan surah yang dimulakan dengan huruf al-Muqatta‘at ini boleh ditafsirkan. Cuma seperti yang telah dijelaskan golongan ini sendiri berbeza-beza pandangan dalam menentukan maksud sesuatu huruf yang terdapat dalam kombinasi huruf-huruf al-Muqatta‘at itu.

Penulis cenderung memilih pandangan yang pertama yang mengatakan bahawa huruf-huruf yang dipanggil al-Muqatta‘at itu lebih tepat untuk dikategorikan sebagai ayat-ayat mutasyabihat yang sengaja dirahsiakan oleh Allah maksudnya. Sebagai tambahan tidak terdapat satu riwayat yang sahi:h dari hadis yang menunjukkan Nabi s.a.w mentafsirkannya dengan formula yang tertentu. Dalam kes ini para sarjana cuba memberikan pandangan peribadi masing-masing dan ia sebenarnya merupakan ijtihad masing-masing.

4.4 Pengulangan Kisah Dalam al-Qur’an

Allah s.w.t telah menceritakan kepada kita dalam al-Qur’an kisah-kisah golongan sebelum kita dan kisah para Nabi bersama dengan umat mereka. Firman Allah s.w.t dalam surah Yu:suf ayat ke-3:



Maksudnya: “*Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) seindah-indah kisah dengan jalan Kami wahyukan kepadamu al-Qur’an ini*”.

Kisah-kisah ini sebenarnya telah menempati ruang yang besar dari surah-surah yang terdapat dalam al-Qur’an itu sendiri, malahan sebahagian daripadanya merupakan kisah yang dikemukakan oleh Allah s.w.t bermula dari ayat yang pertama lagi sehinggalah ayat yang terakhir seperti surah Yu:suf.

Terdapat enam buah surah dalam al-Qur’an dinamakan dengan nama para nabi yang mengandungi penjelasan tentang cerita perjuangan mereka iaitu surah Yu:nus, Hu:d, Yu:suf, Ibra:hi:m, Muhammad dan Nu:h a.s. Pendekatan yang diambil oleh al-Qur’an dalam mengemukakan kisah-kisah ini pula berbeza. Terdapat kisah yang disebut secara terperinci seperti perjuangan Nabi Ibra:hi:m a.s, Mu:sa: a.s dan Yu:suf a.s. Kisah yang lain pula disebut secara sederhana, tidak terlalu panjang dan tidak pula terlalu pendek seperti kisah Nabi Yu:nus, Nabi Sulaima:n dan Nabi Lu:t a.s. Manakala kisah

Nabi Isma:'i:l dan Ishaq a.s pula disebut secara ringkas dalam al-Qur'an. Di samping itu terdapat segelintir para nabi yang tidak kita ketahui riwayat hidup mereka melainkan nama mereka sahaja yang disebut secara sepintas lalu oleh al-Qur'an iaitu Nabi Ilyas:, Ilyasa' dan Zulkifli a.s.

Antara perkara utama yang menarik perhatian pembaca yang mengkaji al-Qur'an adalah penggunaan teknik pengulangan kisah-kisah dalam al-Qur'an. Perkara ini berlaku dengan begitu ketara melibatkan kisah kehidupan para Nabi, perjuangan mereka dan cabaran yang mereka lalui berupa penentangan kaum mereka sendiri. Sebagai contohnya kisah tentang Nabi A:dam telah diulang sebanyak tujuh kali pada tempat-tempat yang berbeza-beza dalam surah-surah yang berlainan. Nama Nabi Mu:sa: a.s yang berdakwah menghadapi Fir'aun dalam berbagai situasi pula telah diulang sebanyak sembilan puluh kali dan perjuangan Nabi Nu:h a.s juga diulang sebut sebanyak dua puluh lima kali dalam beberapa surah al-Qur'an.

Kehebatan yang ada dalam ayat-ayat Allah s.w.t ini menerusi kisah-kisah yang dikemukakan ialah perbezaan kaedah persembahannya, panjang dan pendeknya dan aspek yang disentuhnya. Setiap kisah diulang dalam berbagai surah untuk memberi pengajaran dan amaran dari sudut yang berlainan kerana setiap kali dikemukakan ia sebenarnya memberi fokus yang berlainan dari sebelumnya.

4.4.1 Kategori Cerita Dalam al-Qur'an

Walaupun terdapat berbagai cerita dalam al-Qur'an, cerita-cerita yang dikemukakan itu sebenarnya tidak terkeluar dari dua kategori iaitu:

- i. Cerita para Nabi iaitu Nabi A:dam a.s, Nu:h a.s, Hu:d a.s, Sa:lih a.s, Ibra:hi:m a.s, Isma:'i:l a.s, Isha:q a.s, Lu:t a.s, Syu'aib a.s, Ya'qu:b a.s, Yu:suf a.s, Mu:sa: a.s, Ha:ru:n a.s, Dawu:d a.s, Sulaima:n a.s, Yu:nus a.s, Ilya:s a.s, Idri:s a.s, Zakariyya: a.s, Yahya; a.s, 'I:sa: a.s dan Nabi Muhammad a.s.
- ii. Kisah golongan manusia yang tidak tergolong dari kalangan para Nabi seperti kisah dua orang anak Nabi A:dam, Ha:ru:t dan Ma:ru:t, kisah seorang yang melalui sebuah perkampungan, kisah penduduk kampung, kisah penghuni parit (Asha:b al-Ukhdu:d), kisah orang-orang Yahudi yang melanggar ketetapan hari Sabtu (Asha:b al-Sabt), kisah penghuni gua (Asha:b al-Kahf) dan kisah Dhu: al-Qarnayn. Termasuklah dalam kategori ini kisah manusia soleh yang sungguh popular yang tidak sampai kedudukannya kepada kenabian seperti Luqma:n dan Maryam ibu Nabi 'I:sa: a.s.

Di samping itu al-Qur'an turut mengemukakan kisah golongan manusia yang mempunyai hubungan langsung dengan para Nabi seperti kisah Ibu Nabi Mu:sa: yang menghanyutkannya ke dalam sungai dengan ilham dari Allah, kisah penyembelihan lembu Bani: Isra:'i:l, kisah Qa:ru:n yang bakhil, kisah pengembaraan Nabi Mu:sa: a.s dan al-Khidr a.s dan kisah permaisuri Saba' yang masuk Islam selepas menerima seruan

Nabi Sulaima:n a.s. Kisah golongan manusia ini juga merupakan kisah kategori kedua iaitulah bukannya para Nabi dan Rasul a.s.

4.4.2 Objektif Pengulangan Cerita Dalam al-Qur'an

Pengulangan seperti yang telah dijelaskan oleh penulis dalam bab kedua yang lepas sebenarnya merupakan satu pendekatan berbahasa yang penting untuk memenuhi objektif-objektif yang tertentu, contohnya untuk mengukuhkan mesej yang akan disampaikan. Ia telah diterima pakai dalam semua bahasa di dunia. Demikian pula sesuatu kisah itu diulang oleh Allah s.w.t dalam al-Qur'an kerana hikmah yang tertentu untuk memperkukuhkan keimanan umat Islam.

Menurut al-Zarkasyiyy (2001: jld 3: 12) dalam kitabnya al-Burh:an fi: 'Ulu:m al-Qur'a:n pengulangan merupakan satu bentuk teknik komunikasi yang telah dilakukan oleh masyarakat Arab zaman berzaman. Kata beliau:

إِنَّ عَادَةَ الْعَرَبِ فِي خَطَائِهَا إِذَا اهْتَمَّتْ بِشَيْءٍ أَرَادَتْ تَحْقِيقَهُ وَتُرْبَ وَفُوعِهِ أَوْ قَصَدَتْ
الدُّعَاءَ إِلَيْهِ . كَرَّرَتْهُ تَوْكِيدًا وَكَأَنَّهَا تُقِيمُ تَكَرَّرُهُ مَقَامَ الْمُقْسَمِ عَلَيْهِ أَوْ الْإِجْتِهَادِ فِي الدُّعَاءِ .
وَالْقُرْآنُ نَزَلَتْ بِلُغَتِهِمْ . وَبِهَذَا الْمَسْلُوكِ تَسْتَحْكِمُ الْحُجَّةَ عَلَيْهِمْ فِي عَجْزِهِمْ عَنِ الْمَعَارِضَةِ .

Maksudnya: “Kebiasaan orang-orang Arab dalam ucapan mereka ialah apabila mereka memberi tumpuan kepada sesuatu perkara yang ingin

dilaksanakannya atau apa yang hampir berlaku atau ketika berdoa untuknya maka mereka akan mengulanginya sebagai satu penegasan. Ini seolah-olah mereka menjadikan pengulangan tersebut sebagai standing dengan apa yang dimaksudkan dalam sumpah ataupun apa yang ditekankan semasa berdoa. Al-Qur'an itu sebenarnya turun dalam bahasa mereka. Dengan cara bertambah kukuh hujjah tentang kelemahan mereka untuk menentangnya”.

Beliau seterusnya menjelaskan:

وَفَائِدَتُهُ الْعُظْمَى التَّفْرِيرُ وَقَدْ قِيلَ: الْكَلَامُ إِذَا تَكَرَّرَ تَقَرَّرَ.


Maksudnya: “Kepentingan pengulangan yang paling utama ialah penegasan, ada orang berkata ayat akan menjadi kuat apabila diulang”.

Meneliti maksud yang ingin dibawakan oleh al-Zarkasyiyy menerusi pandangannya ini beliau menjelaskan bahawa pengulangan cerita dalam al-Qur'an adalah selari dengan kebiasaan budaya bangsa Arab yang sentiasa melakukan perkara seumpama ini dalam kehidupan seharian mereka. Walaupun begitu mereka masih tidak mampu untuk menandingi al-Qur'an. Ini menunjukkan bahawa al-Qur'an memang benar merupakan perkataan Allah yang mutlak.

Ini bertepatan dengan objektif kajian ini bahawa pengulangan yang berlaku ini secara prinsipnya membuktikan keunikan wahyu yang Allah turunkan itu. Pendekatan pembawaan kisah dalam al-Qur'an secara berulang-ulang ini juga berperanan menonjolkan keindahan gaya bahasanya, persembahannya dan teknik penceritaan yang digunakannya serta pendekatannya untuk mendidik manusia. Bahasa Arab yang

digunakan oleh Allah s.w.t dalam al-Qur'an merupakan kemuncak kepada kesempurnaan bahasa yang memiliki banyak keistimewaan berbanding dengan apa yang digunakan oleh manusia. Rahsia inilah yang perlu dikaji dengan lebih mendalam. Natijah yang penting yang akan dirumuskan dalam kajian ini ialah di samping membuktikan kebenaran al-Qur'an sebagai satu firman Allah ia juga penting untuk diambil manfaat dari aspek kaedah dakwahnya. Kaedah yang telah dianjurkan oleh Allah yang telah terbukti keberkesanan impaknya dalam merubah paradigma masyarakat jahiliah kepada masyarakat yang beriman. Betapa pentingnya kita kepada mendalami hakikat ini kerana dengannya akan dapat satu modul yang komprehensif tentang program pendakwahan yang sistematik dengan berpandukan tradisi Nabi s.a.w.

Pandangan ini diperkuatkan dengan pendapat al-Zamakhshariyy (t.t: jld 3: 334) dalam kitab tafsirnya al-Kasysya:f. Beliau menjelaskan rahsia pengulangan ayat yang berulang sebanyak 7 kali dalam surah al-Syu'ara:' iaitulah ayat:



Maksudnya: *“Dan sesungguhnya Tuhanmu (wahai Muhammad), Dia lah sahaja yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengasihani”*.

Di samping itu beliau turut menjelaskan bahawa pengulangan seperti ini berlaku untuk tujuan pengukuhan dan penegasan. Beliau menjelaskan:


إِنَّ فِي التَّكْرِيرِ تَقْرِيراً لِّلْمَعَانِي فِي الْأَنْفُسِ ، وَتَثْبِيْتاً لَهَا فِي الصُّدُورِ . أَلَا تَرَى أَنَّهُ لَا طَرِيقَ إِلَى حِفْظِ الْعُلُومِ إِلَّا تَرْدِيدَ مَا يَلْزَمُ حِفْظُهُ مِنْهَا . وَكُلَّمَا زَادَ تَرْدِيدُهُ كَانَ أَمْكَنَ لَهُ فِي الثُّلُوبِ ، وَأَرْسَخَ لَهُ فِي الْفَهْمِ ، وَأَثْبَتَ لِلذِّكْرِ ، وَأَبْعَدَ مِنَ النِّسْيَانِ

Maksudnya: “*Sesungguhnya melalui pengulangan berlaku pengukuhan makna dalam jiwa, melekatkannya dalam dada. Tidakkah anda melihat bahawa tiada cara untuk menghafal ilmu melainkan dengan mengulangi apa yang perlu dihafal. Semakin bertambah pengulangan semakin melekat dalam hati dan semakin kukuh dalam fahaman dan lebih tetap dalam ingatan dan semakin jauh dari lupa*”.

Antara rumusan yang penting yang boleh kita perolehi dari pandangan al-Zamakhshariyy di atas ialah pengulangan yang berlaku melalui kisah-kisah dalam al-Qur’an sebenarnya mempunyai objektif-objektif berikut iaitu:

- i. Untuk melahirkan golongan manusia yang sentiasa ingat kepada Allah dan menggunakan akal untuk berfikir. Dengan berfikir menyebabkan mereka akan menjadi umat yang berdaya maju dan gemilang. Allah s.w.t berfirman dalam surah al-Hajj ayat ke 45-46:





Maksudnya: “Maka bukan sedikit negeri-negeri yang Kami binasakan dengan sebab kezaliman penduduknya, lalu runtuh ranaplah bangunan-bangunannya; dan bukan sedikit pula telaga yang telah terbiar, dan istana yang tersergam (telah kosong, ditinggalkan). Oleh itu, bukankah ada baiknya mereka mengembara di muka bumi supaya - dengan melihat kesan-kesan yang tersebut - mereka menjadi orang-orang yang ada hati yang dengannya mereka dapat memahami, atau ada telinga yang dengannya mereka dapat mendengar?(Tetapi kalaulah mereka mengembara pun tidak juga berguna) kerana keadaan yang sebenarnya bukanlah mata kepala yang buta, tetapi yang buta itu ialah mata hati yang ada di dalam dada”.

Al-Alu:siyy (1994: juz 21: 250) dalam tafsirnya, Ru:h al-Ma‘a:ni: mengemukakan sebuah riwayat dari Ibn Abi: Ha:tim bahawa Allah s.w.t telah mewahyukan kepada Nabi Mu:sa: a.s agar membuat kasut daripada logam dan menggunakan tongkat untuk mengharungi perjalanan di seluruh dunia sambil memerhatikan kejadian Allah agar diambil pengajaran. Akhirnya rosaklah kasut baginda dan patahlah tongkatnya dalam perjalanannya itu. Pengajaran menurut beliau adalah berasaskan hati bukannya pada pandangan luaran semata-mata.

Walaupun ayat ini merupakan seruan kepada manusia untuk mengembara untuk mengambil pengajaran, namun pembawakan cerita secara berulang-ulang tentang kebinasaan yang berlaku terhadap umat sebelum kita juga mampu menimbulkan kesedaran kepada seseorang yang tidak berkesempatan menziarahinya agar menjadi celik mata hatinya.

Kenyataan Sayyid Qutb (1992: jld 4: 2430) menerusi tafsirnya Fi: Zila:l al-Qur'a:n menyokong perkara ini. Beliau menyatakan:


إِنَّ مَصَارِعَ الْعَابِرِينَ شَاخِصَةً مُّوْحِيَةً ، تَتَحَدَّثُ بِالْعِبَرِ ، وَتَنْطِقُ بِالْعِظَاتِ

Maksudnya: “*Gambaran kehancuran golongan yang terdahulu (menerusi ayat-ayat ini) sudahpun jelas dan terang, menceritakan pengajaran-pengajaran dan menyampaikan nasihat-nasihat*”.

Justeru Allah s.w.t mengingatkan kita yang ingin beramal dengan kandungan al-Qur'an agar memerhatikan peristiwa-peristiwa yang dikemukakan itu untuk difikirkan oleh akal dan bukan untuk dinikmati oleh penglihatan luaran semata-mata. Perkara seperti ini hanya dapat dilakukan apabila sesuatu kisah itu dikemukakan berulang kali dalam ayat-ayat yang berbeza-beza.

- ii. Agar mereka lebih memahami tentang ketetapan peraturan Allah di alam ini para Nabi dan Rasul menghadapi kaumnya dalam berbagai situasi itu akan

menyebabkan umat Islam dapat memahami lebih mendalam tentang kepentingan menghadapi ujian dengan tabah dan berlapang dada. Firman Allah s.w.t dalam surah al-‘Ankabu:t ayat ke 2-3:



Maksudnya: *“Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: “Kami beriman”, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahuinya tentang orang-orang yang berdusta”.*

Sebagaimana Nabi Nu:h a.s terpaksa menghadapi pendustaan yang berbagai oleh kaumnya menerusi penjelasan ayat-ayat pada tempat-tempat yang berbeza-beza, demikian juga Nabi Muhammad dan umatnya yang kemudian turut akan menghadapi berbagai penentangan golongan musuh. Perkara inilah yang disebut oleh al-Zamakhsyariyy sebagai lebih kukuh dalam fahaman dalam kenyataannya di atas.

iii. Untuk menyuntik kekuatan semangat dalam diri nabi s.a.w. Firman Allah s.w.t

dalam surah Hu:d ayat ke 120:



Maksudnya: “Dan tiap-tiap berita dari berita Rasul-rasul itu, kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad), untuk menguatkan hatimu dengannya. Dan telah datang kepadamu dalam berita ini kebenaran dan pengajaran serta peringatan bagi orang-orang yang beriman”.

Al-Sa’diyy (2001:393) dalam tafsirnya, Tafsir al-Kari:m al-Rahma:n menjelaskan ayat ke 120 surah Hu:d di atas dengan katanya:


أَيُّ مَا نُثَبِّتُ قَلْبَكَ لِيَطْمَئِنَّ وَ يَثْبُتَ ، وَيَصْبِرَ كَمَا صَبَرَ أَوْلُوا الْعَزْمِ مِنَ الرُّسُلِ ، فَإِنَّ
 التُّفُوسَ تَأْنِسُ بِالِاقْتِدَاءِ ، وَتَنْشِطُ عَلَى الْأَعْمَالِ ، وَتُرِيدُ الْمُنَافَسَةَ لِعَبِيرِهَا ، وَيَتَأَيَّدُ
 الْحَقُّ بِذِكْرِ شَوَاهِدِهِ، وَكَثْرَةِ مَنْ قَامَ بِهِ

Maksudnya: “Maksud ialah Kami memperteguhkan hatimu supaya ia menjadi tenang dan tetap, dan bersabar sebagaimana kesabaran golongan para rasul Ulu: al-‘Azm. Maka sesungguhnya jiwa-jiwa mejadi ceria bila dapat mencontohi, dan menjadi cergas untuk melakukan kerja-kerja dan hendak bersaing dengan yag lainnya. Kebenaran akan menjadi

kuat dengan mengemukakan bukti-buktinya dan ramainya golongan yang melakukannya”.

Allah s.w.t menjelaskan bahawa tujuan penceritaan para Nabi dan perjuangan umat sebelum mereka yang diberikan pendedahannya dalam al-Qur'an adalah untuk menguatkan semangat baginda dan umat Islam. Motivasi seperti ini amat penting untuk mengukuhkan keyakinan mereka tentang kemenangan yang pasti akan mereka perolehi dengan kesungguhan mereka kelak.

- iv. Supaya diambil pengajaran agar menimbulkan kesedaran kepada umat Islam. Perkara ini disebut secara terang menerusi firman Allah dalam ayat ke-111 dari surah Yu:suf:




Maksudnya: *“Demi sesungguhnya, kisah Nabi-nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah Nabi-nabi yang terkandung dalam al-Qur'an) bukanlah ia cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut di dalam Kitab-kitab ugama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman”.*

Ayat terakhir dari surah Yu:suf ini memberikan penjelasan bahawa tujuan dibawakan kisah dalam al-Qur'an adalah untuk diambil sebagai pengajaran dan pengiktibaran bukannya bermotifkan hiburan ataupun keseronokan seperti cerita-cerita rekaan manusia.


Hakikatnya perjuangan Nabi s.a.w merupakan perjuangan yang sifatnya berterusan. Setiap hari dalam tempoh usaha dakwah dijalankan baginda menyeru manusia kepada Islam. Setiap hari pula baginda berhadapan dengan cabaran dan penentangan golongan musuh. Justeru Allah s.w.t membekalkan buat Nabi dan para sahabat dengan kisah-kisah para Nabi dan umat mereka sebagai sokongan dan motivasi. Kisah perjuangan Nabi s.a.w pada awal zaman kebangkitan baginda memerlukan darinya agar bersifat lemah lembut terhadap golongan musyrikin. Sebagai pengajaran Allah s.w.t telah mengemukakan kisah pada awal zaman perjuangan Nabi Musa a.s berhadapan dengan Fir'aun.


Metodologi dakwah secara diplomasi dan berhikmah pada permulaan zaman dakwah baginda semasa di bumi Mekah jelas diterangkan oleh Allah menerusi episod awal perjuangan Nabi Mu:sa: berdakwah kepada Fir'aun. FirmanNya dalam ayat ke-44 dari surah Ta:ha::



Maksudnya: “Pergilah, engkau dan saudaramu, membawa mukjizat-mukjizat pengurniaanKu dan janganlah kamu berdua lemah dan cuai dalam menyebut serta mengingat Daku. “Pergilah kamu berdua kepada Fir’aun, sesungguhnya ia telah melampaui batas dalam kekufurannya. “Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut”.

Apabila ayat ini diturunkan Allah s.w.t telah memerintahkan Nabi s.a.w agar berlemah lembut dengan mereka sebagaimana Nabi Mu:sa: a.s berlemah lembut dengan Fir’aun. Tetapi akhirnya metodologi dakwah Nabi Mu:sa: berubah corak kepada kata-kata yang lebih keras kerana Fir’aun masih berdegil menolak dakwah Nabi Mu:sa:. Perkara ini dapat dilihat menerusi firman Allah dalam ayat ke 88-89 dari surah Yu:nus:





Maksudnya: “Dan Nabi Mu:sa: pula (merayu dengan) berkata: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau telah memberikan kepada Fir’aun dan ketua-ketua kaumnya barang-barang perhiasan dan harta benda yang mewah dalam kehidupan dunia ini. Wahai Tuhan kami! (Kemewahan yang Engkau berikan kepada mereka) akibatnya menyesatkan mereka dari jalanMu (dengan sebab kekufuran mereka). Wahai Tuhan kami! Binasakanlah harta benda mereka dan meteraikanlah hati mereka (sehingga menjadi keras membatu), maka dengan itu mereka tidak akan dapat beriman sehingga mereka melihat azab yang tidak terperi sakitnya. Allah berfirman: “Sesungguhnya telah dikabulkan doa kamu berdua; oleh itu hendaklah kamu tetap (menjalankan perintahKu seterusnya), dan janganlah kamu menurut jalan orang-orang yang tidak mengetahui (peraturan janjiKu)”.

Di sinilah terletaklah rahsia mengapa dimuatkan kisah Nabi Mu:sa: a.s berdakwah secara berulang-ulang pada beberapa ayat dari surah-surah yang berlainan. Hakikat dalam contoh kisah perjuangan Nabi Mu:sa: a.s dalam dua episod yang berlainan di atas ialah episod yang awal menggambarkan sikap lemah lembut Nabi Mu:sa: a.s sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah. Sebaliknya dalam episod yang kedua pula walaupun masih lagi berdakwah tetapi ia sudah mula dibayangi kekerasan dan doa agar dihancurkan Fir’aun dan para penyokongnya. Kesimpulannya ialah

pengulangan yang berlaku dalam kisah al-Qur'an sebenarnya memberikan tumpuan pada aspek yang berbeza kerana faktor suasana dan peredaran waktu yang mempengaruhi. Apabila turun ayat tentang doa Nabi Mu:sa: itu maka ia memberi petanda kepada Nabi Muhammad s.a.w bahawa baginda juga boleh menggunakan kaedah yang lebih tegas untuk memperjuangkan Islam. Perkara yang sebenarnya telah menimpa mereka apabila mereka ditewaskan dengan cara yang amat mengaibkan dalam pertempuran Badar pada tahun kedua hijrah.

Maka untuk memenuhi ke empat objektif di atas Allah s.w.t membawakan kisah-kisah ini diulang dan diolah dalam bentuk yang berbeza-beza mengikut keperluan waktu dengan mengambil kira perbezaan suasana.

4.5 Penutup

Kesimpulannya apabila kita mengkaji al-Qur'an secara menyeluruh, terutamanya pendekatannya melibatkan cerita, kita pasti akan mendapati bahawa terdapat banyak faktor berlakunya pengulangan cerita dalam al-Qur'an. Contohnya pengulangan cerita tentang Nabi Mu:sa: a.s. dalam banyak surah dari al-Qur'an adalah bertujuan meringankan tekanan yang dialami oleh Nabi Muhammad s.a.w dan para sahabat, sewaktu menghadapi penindasan kaum Quraisy di Mekah.

Selain itu pengulangan cerita juga bertujuan menunjukkan kepada manusia satu aspek kemukjizatan al-Qur'an. Walaupun cerita-cerita ini dikemukakan dalam surah-surah yang berbeza namun tiada pertentangan antara satu dengan yang lain. Malahan

kedatangan cerita-cerita yang sama yang dibawakan dalam surah yang berbeza membawa maklumat baru yang memperkayakan cerita yang terdahulu tanpa sedikit pertentangan pun dengan yang terdahulu. Sekiranya al-Qur'an rekaan manusia, sudah tentulah terdapat banyak perbezaan antara satu cerita dengan cerita yang lain menerusi surah-surah yang berbeza itu. Hakikat ini yang menyebabkan pihak musuh Islam tidak dapat mempertikaikan kebenaran wahyu yang diturunkan ini, bahawasanya ia bersifat mutlak dari Allah s.w.t tanpa sedikitpun campur tangan dari manusia.